

Received: 01 July 2021; Accepted: 10 September 2021; Published: 30 December 2021

DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2021-0602-02>

## **PERBEZAAN ISU *AL-JARH* DAN *AL-GHIBAH* MENURUT DISIPLIN ILMU SANAD**

### **Difference Between the Issue of *Al-Jarh* and *al-Ghibah* According to the Discipline of *Sanad***

Abu Dzar Ahmad\*<sup>1</sup>, Mohammad Haafiz Aminuddin Mohd Azmi<sup>1</sup> & Muhamad Razif Ahmad<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang  
Sultan Ahmad Shah, Kuantan, Pahang

\*ibnu\_ahmad\_dac@yahoo.com (Corresponding author)

#### **Abstrak**

*Al-Jarh wa al-Ta<sup>c</sup>dil* merupakan ilmu dan penilaian pakar dalam bidang hadis yang menjustifikasi status perawi dalam kitab-kitab muktabar hadis. Kaedah dalam ilmu al-Jarh sememangnya berunsurkan kritikan penilai yang mengkritik perawi berdasarkan kriteria yang dinilai para nuqqad. Namun, masyarakat tidak didedahkan mengenai ilmu *al-Jarh* yang mengklasifikasi isu-isu berkaitan lafaz kritikan perawi di samping menerangkan masyarakat mengenai kritikan perawi itu dibenarkan agama. Justeru, untuk menarik perhatian orang awam isu *al-Jarh* perlu dirungkai melalui penjelasan pengkritik hadis dan menerangkan perbezaan dengan *al-Ghibah*. Oleh itu, artikel ini menggunakan pendekatan deskriptif dan tematik berdasarkan kajian kualitatif. Hasil kajian ini mendapati bahawa kepakaran para *nuqqad* bukan sekadar menghukum perawi dengan istilah *al-Jarh* tanpa alasan yang konkret. Bahkan kritikan yang diungkap sebenarnya mempunyai objektif setiap pendekatan dalam kaedah bertujuan menjaga keabsahan sumber dalil di samping menyingkap para perawi dari sudut *al-dabt wa al-<sup>c</sup>ddalah*.

**Kata Kunci:** Al-Jarh, Al-Ghibah, disiplin ilmu sanad.

#### **Abstract**

*Al-Jarh wa al-Ta<sup>c</sup>dil* is a science and expert assessment in the field of hadis that justifies the status of the narrator in the books of hadis muktabar. The method in the science of *al-Jarh* is indeed based on the critique of the evaluator who criticizes the narrator based on the criteria evaluated by the *nuqqad*. However, public views were not disclosed about science of *al-Jarh* on the classified issues related to the narrator next to explaining to the community about criticizes the narrator of religious justification. Thus, in order to attract the attention of the public the issues in *al-Jarh* need to be dissected through the explanations of hadis critics and make explains the difference with *al-Ghibah*. Therefore, this article using descriptive and thematic approaches based on qualitative research. The results of this study found that the expertise of the *nuqqad* is not just to punish the narrator with the term *al-Jarh* without concrete reason even the criticism expressed actually has an objective in each approach in the method aims to maintain the validity of the source of evidence while revealing the narrators from the point of view of *al-dabt wa al-<sup>c</sup>ddalah*.

**Keywords:** *Al-Jarh*, *Al-Ghibah*, perbezaan, disiplin of *sanad*

## PENDAHULUAN

Pemikiran dan kecenderungan ideologi dalam ilmu hadis semakin menjadi perhatian masa kini. Bahkan ilmu yang menyentuh bab *al-Jarh wa al-Ta‘dil* juga semakin diminati masyarakat awam yang dahulunya istilah tersebut agak asing pada pendengaran komuniti. Rentetan itu, ilmu berkaitan *al-Jarh wa al-Ta‘dil* dvelopori golongan yang terpelajar dalam bidang pengajian Islam khususnya dalam bidang hadis kerana mendalaminya pemahamannya bukan sekadar mengetahui pada asas sahaja bahkan wajar mempelajarinya secara berkala (Ali Imron 2017). Ilmu yang berkaitan dengan *al-Jarh wa al-Ta‘dil* sewajarnya dipelajari secara berperingkat dan bermula pada asas ilmu hadis oleh penuntut yang mengambil bidang pengajiannya sebelum dikongsi dan disebarluaskan dalam lapangan masyarakat. Justeru, ilmu *al-Jarh wa al-Ta‘dil* ini juga mengetengahkan kepakaran ahlinya yang diiktiraf kesarjanaanya berdasarkan metodologi mereka dalam membina kaedah dan menilai sesuatu kritikan mahupun pujian terhadap sesebuah jalur riwayat (Rida Dhakariya Mohamed 2011). Lafaz kritikan atau *al-Jarh* amat berbeza dalam kalangan *nuqqad* melalui prinsip dan rumusan kaedah tersendiri pada zaman generasi mereka bagi menentukan status perawi dalam kitab-kitab muktabar yang direkod (<sup>c</sup>Itr, Nur al-Din 2007).

Menurut Al-Farmawi (2005) pertembungan antara *al-Jarh* dengan *al-Ta‘dil* telah dinyatakan para ulama silam dan perlu diambil kira pentingnya penerimaan *al-Jarh* sekiranya ungkapan tersebut dibawa sekali dengan sebab-sebab dan faktor-faktor untuk disandarkan kepada perawi. Oleh itu, pernyataan *al-Jarh* lebih menjurus ke arah kritikan berbanding dengan pernyataan *al-Ta‘dil* maka perkara tersebut memerlukan disiplin ilmu para *nuqqad* yang menjelaskan konsep ilmu *al-Rijal* dan keterkaitannya dengan ilmu *Takhrij* hadis (Al-Sakhawi 1990). Isu *al-Jarh* dan *al-Ta‘dil* perlu diperjelas secara berperingkat dan berkala agar masyarakat tahu membezakan antara istilah-istilah dan lafaz-lafaz yang diketengahkan kerana dua perkara tersebut berlainan dari sudut pendefinisianya menurut sarjana (Al-Loucknawi 2008). Namun, tidak semua aspek jurusan dalam ilmu *al-Jarh wa al-Ta‘dil* boleh diaplikasi dalam suasana kehidupan hari ini. Para ulama hadis telah melakukan perincian yang mendalam untuk menilai segala aspek sifat perawi yang boleh diterima atau ditolak perniwayatan mereka (Al-Qaradawi 1998). Al-Khalili (1989) berpandangan mengenai beberapa sudut yang boleh diambil kira untuk dijadikan sandaran bagi membezakan isu *al-Jarh* dengan *al-Ghibah*. Di antara aspek yang utama perlu diambil kira adalah penilaian aspek <sup>c</sup>*adalah* (keperibadian) dan *dabit* (kejituhan ilmu) terhadap individu atau organisasi yang menyampaikan berita atau maklumat.

Secara umumnya, *al-Jarh* membawa maksud kaedah yang mengkelaskan perawi yang ditolak dengan menggunakan lafaz-lafaz kritikan diiringi punca dan *asbab* (Al-Sakhawi 1990). Manakala, *al-Ghibah* pula bermaksud seseorang yang berbicara perihal seseorang yang tidak dilakukan oleh orang yang dimaksudkan. Justeru, artikel ini membicarakan perbezaan antara isu *al-Jarh* dengan *al-Ghibah* agar pernyataan istilah tersebut dapat menjelaskan maksud dan huraiannya berdasarkan keterangan para ulama yang berautoriti. Di samping itu, dapat menerangkan implikasi penularan *al-Ghibah* dalam komuniti sama ada secara bersemuka mahu pun secara maya jika tidak dibendung dan dikawal.

## Metodologi Kajian

Artikel ini berasaskan kualitatif menggunakan kaedah deskriptif dan tematik. Artikel ini menumpukan penjelasan isu *al-Jarh* dan *al-Ghibah* agar pendefinisian kedua-dua isu tersebut dapat difahami masyarakat dari sudut konseptualnya. Artikel ini juga membawa ke arah perbincangan termasuk beberapa kenyataan para *nuqqad* berkaitan dengan isu yang dibahaskan. Kenyataan yang dibawa sekaligus menjelaskan pernyataan berkaitan isu *al-Jarh* dengan *al-Ghibah* sememangnya berbeza isu yang dibincangkan. Justeru, metodologi yang digunakan berdasarkan kaedah deskriptif iaitu merupakan suatu metodologi yang digunakan untuk menerangkan suatu sampel yang telah dikumpul dan membuat kesimpulan secara umum (Sugiyono 2005). Artikel ini melibatkan isu-isu yang diperolehi daripada sumber primer yang dipilih di dalam karya yang membicarakan ilmu sanad. Artikel ini juga memfokuskan komperatif antara isu yang berkaitan dengan *al-Jarh* dan *al-Ghibah* berdasarkan pernyataan para ulama di samping mengaitkan isu *al-Ghibah* yang menular dalam masyarakat. Oleh itu, kaedah tematik diketengahkan dalam artikel ini dengan mengetengahkan isu *al-Jarh* yang dibenarkan agama menurut disiplin ilmu sanad. Manakala isu *al-Ghibah* pula perkara yang melibatkan ketirisan dan kegelinciran lidah manusia. Artikel ini juga meninjau secara umum penularan *al-Ghibah* dalam komuniti sehingga wujudnya golongan yang sering mencalarkan moral komunikasi. Lantas, sekiranya tidak dipupuk didikan moral yang baik dalam budaya masyarakat perkara tersebut bakal mengundang impak yang lebih parah (al-<sup>c</sup>Omoush 2010).

### Pendefinisan *Al-Jarh*

*Al-Jarh* merupakan maksud yang bersesuaian dengan kritikan termasuk menzahirkan kefasikan perawi dalam amalannya yang bertentangannya dengan sifat *al-Dabt* dan *al-Adalah*. Justeru, para *nuqqad* yang mempunyai kelayakan wajar menyebut kesilapan yang dibuat para perawi hadis secara terperinci tanpa mengaibkan peribadi perawi (Itr, Nur al-Din 2007). Oleh itu, Islam membenarkan kritikan pada sebahagian situasi yang disebut *al-maslahah al-rajihah* iaitu memenuhi maqasid syariah dalam menjaga ketulenan nas-nas agama (Al-Razi 1952). Sebagaimana Ibn Daqiq al-Eid (2008) menyebut:

أَعْرَاضُ النَّاسِ حُفْرَةٌ مِنْ حُفْرَتِ النَّارِ، وَقَفَ عَلَى شَفِيرِهَا طَفَقَتَانِ مِنَ النَّاسِ الْمُحَدِّثُونَ وَالْحَكَامُ

Maksudnya:

“(Memperkatakan perihal) maruah kaum muslimin itu satu lubang dari lubang-lubang neraka yang berdiri di pinggirnya dua golongan dari kalangan manusia; Ahli Hadis dan Hakim (qadi)”.

Menurut al-Hafidh Mohamed bin Yusuf al-Salihi al-Shamiy (Shalabi 1996) mengenai kesalahan yang berlaku pada para hakim dalam mengeluarkan kenyataan terhadap hukuman lebih diberi kelongaran kerana mereka tidak menjatuhkan hukuman melainkan dengan bukti kukuh yang jelas, sedangkan ahli hadis kebanyakannya berpaut pada nukilan dan petikan pendapat sarjana semata-mata. Ilmu *al-Jarh* dan *al-Ta'dil* merupakan peringkat pertengahan dalam pembelajaran ilmu-ilmu hadis sebelum meneroka ilmu *I'lal al-Hadith* (ilmu kecacatan hadis), iaitu kemuncak disiplin ilmu dalam pengajian hadis yang sukar difahami masyarakat untuk memahaminya (Ahmad Kamilin Jamilin 2016).

Imam al-Nawawi (1998) di dalam kitabnya *Riyad al-Salihin* merumuskan lima situasi keadaan kritikan yang dibenarkan syarak, iaitu: Pertama, ketika keadaan seseorang dizalimi. Kedua, memohon bantuan demi mengubah kemungkaran atau perkara maksiat yang berlaku. Ketiga, menasihati para muslimin agar menjauhi perkara-perkara yang buruk. Keempat, pihak yang dikritik tersebut lantang menzahirkan kefasikannya atau amalan bid'ahnya, maka wajar disebut kesilapan yang dibuat secara spesifik tanpa mencampuradukkan dengan keibaikan peribadi orang yang terlibat. Kelima, demi memperkenalkan seseorang yang terkenal dengan suatu kekurangan fizikal atau sifat, seperti menyebut si fulan yang buta, bisu dan sebagainya tanpa wujud unsur-unsur memandang rendah pihak yang disifatkan dengan sifat-sifat tersebut. Justeru, *al-Jarh* di sisi ilmu sanad sebenarnya mengikuti piawaian yang dituntut agama sebagaimana Allah SWT tegaskan dalam surah al-Hujurat, ayat 6. Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasisik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu apa yang kamu telah lakukan.

Sufyan bin Sa'id al-Thauri (Ibn Daqiq al-Eid 1977) mengungkap satu kenyataan di dalam karyanya:

سَمُوا لَنَا رِجَالَكُمْ، فَيُنْظَرُ إِلَى أَهْلِ السُّنَّةِ فَيُؤْخَذُ حَدِيثُهُمْ وَيُنْظَرُ إِلَى أَهْلِ الْبَيْعِ فَلَا يُؤْخَذُ حَدِيثُهُمْ.

Maksudnya:

Tunjukkanlah kepada kami sanad-sanad kamu, maka jika dilihat (perawi itu) ahli Sunnah, maka akan diambil sebagai hujah dalam hadis-hadis mereka dan jika dilihat (perawi itu) ahli *Bid'ah*, mana mungkin diambil hadis-hadis mereka (untuk rujukan).

Benarlah apa yang diungkap oleh Muhammad bin Sirin mengenai konsep *al-Isnad*, iaitu kredibiliti para perawi diukur melalui dua sudut utama iaitu, *al-Adalah* (keperibadian) dan *al-Dabt* (kejittuan ilmu). Hal ini merupakan disiplin dalam ilmu hadis bagi mengukur kredibiliti para pelapor hadis yang menerima hadis-hadis yang diriwayatkan mereka. Beliau merumuskan tentang pembelajaran ilmu *al-Jarh* dan *al-Ta'dil* ini wajar dititikberatkan oleh ahli bidangnya agar agama yang dibawa dinilai para ulama yang pakar dan berautoriti. Kata beliau yang dinukil oleh al-Khatib al-Baghdadi di dalam kitab *al-Kifayah fi al-Ilm al-Riwayah* (2010):

الإسناد سلاح المؤمن.

Maksudnya:

Sanad-sanad itu merupakan senjata bagi orang mukmin.

### Pentakrifan *Al-Ghibah*

*Al-Ghibah* ialah mereka yang berkata dan berbicara mengenai perihal orang lain tentang keperibadian buruk yang diperlakukan seseorang mahupun sekumpulan dibelakang pihak yang terbabit (Onong, Uchjana Effendi 2000). Nabi SAW menjelaskan di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abi Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda:

أَتَدْرُونَ مَا الْعِيْنَةُ؟ قَالُوا: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ، قَالَ: إِنْ كَانَ أَخَاهُكَ مَا يُكْرَهُ، قَيلَ: أَفَرَأَيْتَ إِنْ كَانَ فِي أَخِينَ مَا أَقْوَلُ؟ قَالَ: إِنْ كَانَ فِيهِ مَا تَقْوُلُ فَقَدْ هَبَطَ.

(HR Muslim, Kitab *al-Bir wa al-Silah wa al-Adab*, Bab *Tahrim al-Ghibah*, no 2589).

Maksudnya:

Apakah kalian mengetahui tentang *al-Ghibah*? Lalu, sahabat menjawab: Allah dan Rasul sahaja yang mengetahui. Lantas, baginda Nabi SAW bersabda: Ia merupakan kata-kata yang menyebabkan saudaramu membenci kamu. Kata sahabat: Bagaimana jika apa yang dikata itu benar? Baginda Nabi SAW bersabda: Sekiranya kata-kata itu benar, maka ianya dipanggil mengumpat, sedangkan jika kata-kata itu tidak benar, maka ianya dipanggil fitnah (tuduhan).

### Perbincangan Ilmu *Al-Jarh* Menurut Disiplin Ilmu Sanad

Ilmu *al-Jarh wa al-Ta<sup>c</sup>dil* merupakan kerangka seni ilmu dalam bidang hadis yang analitikal kandungan pembelajarannya. Menurut Faruq Hammada (2008) ilmu *al-Jarh wa al-Ta<sup>c</sup>dil* ialah ilmu yang membicarakan perihal perawi-perawi hadis sama ada menerima hadis-hadis yang diriwayat mereka mahupun menolak hadis-hadis yang dinukil mereka. Kredibiliti mereka diukur dan dimilai melalui lafaz-lafaz khusus yang ada peringkat dan turutan berdasarkan kriteria yang dibina para *nuqqad*. Hanaffie Hasin (2015) dalam penelitian beliau mengenai ilmu *al-Jarh wa al-Ta<sup>c</sup>dil* berkata ilmu tersebut adalah amat penting bagi penuntut ilmu hadis khususnya bagi mereka yang mendalami kemuncak ilmu dalam bidang hadis. Hal ini melibatkan perbincangan kredibiliti perawi hadis yang menumpukan penilaian para *nuqqad* disebabkan faktor perawi yang dibahaskan itu dikritik dan ditolak periyatannya. Tambahan beliau lagi, para perawi wajar didedahkan justifikasi para ulama yang pakar dalam mengkelaskan para perawi dengan disiplin ilmu *al-Jarh wa al-Ta<sup>c</sup>dil*. Menurut al-Dhahabi (2005), perawi-perawi yang dinukil di dalam hadis yang dibawa wajar dikemukakan hukum berdasarkan justifikasi yang telah dibahas para *nuqqad*.

Al-Ramahramuzi di dalam karya beliau menukil pendapat Ali bin al-Madini (1982) mengenai kepentingan para ilmuan mengetahui asas-asas disiplin dan prinsip setiap kenyataan bagi memahami riwayat-riwayat khabar. Justeru, ilmu *al-Rijal* juga sebahagian ilmu dalam agama. Oleh itu, para ulama telah membincangkan tentang peranan ilmu ini wajar diberi perhatian pada dua tunjang utama yang menyentuh ilmu *al-Rijal*, iaitu *al-<sup>c</sup>Adalah* (sudut keperibadian) dan *al-Dabt* (kejittuan ilmu). Abu Mu<sup>c</sup>adh, Tariq Awad Allah (2009) menukil pendapat daripada Yahya bin Ma<sup>c</sup>in, di dalam kenyataan tersebut beliau menyatakan *thabit* (kepercayaan) itu mempunyai dua elemen. Satu elemen *thabit* (kepercayaan) dalam hati. Kedua, *thabit* (kepercayaan) pada buku. Bahkan, Abu Mu<sup>c</sup>adh juga merumuskan satu kenyataan di dalam kitab *Nukhbah al-Fikar* yang dikarang oleh Ibn Hajar al-Asqalani (1984) bahawa *dabt* pada kitab ialah memelihara iaitu menjaga inti patinya seusai mendengar secara jelas dan kemudian mengulas sehingga sampai ke pendengar seterusnya. Perkara ini yang amat dititikberatkan dalam pembelajaran ilmu pembelajaran sanad.

Rentetan itu, perkara yang dibincangkan ini menjadi pencetus para ilmuan mencari objektif sesuatu kebenaran melalui setiap fakta yang membicarakan status keabsahan individu perawi (Ibn Hajar al-Asqalani 1991). Hal ini menimbulkan dua pandangan yang berbeza, ada yang menerima dengan mendatangkan pujian ada juga yang sebaliknya dengan mendatangkan kritikan (Ahmad Kamilin Jamilin 2016). Menurut Ibn Abi Hatim al-Razi (1952) di dalam karya *al-Jarh wa al-Ta<sup>c</sup>dil*, beliau memetik sebuah kenyataan hadis yang diriwayatkan oleh Syu<sup>c</sup>bah bin al-Hajaj kepada seseorang apabila Syu<sup>c</sup>bah menimbulkan pertanyaan mengenai gerangan individu yang melakukan perselisihan ketika itu kepada al-Thauri. Lalu, Sufyan bin Sa<sup>c</sup>id al-Thauri menjawab persoalan itu kepada Syu<sup>c</sup>bah bahawa Sufyan yang dimaksudkan Sufyan bin Uyainah kerana beliau memiliki keistimewaan menghafal lebih baik daripada beliau. Hal ini menggambarkan Syu<sup>c</sup>bah bin al-Hajaj tegas dan cakna dalam isu perawi yang menyampaikan hadis-hadis baginda Nabi SAW.

Pernyataan tersebut senada dengan al-Dhahabi (1983) yang menukil pandangan Yunus bin Abd al-<sup>c</sup>Ala al-Sadafi yang menyatakan bahawa beliau tidak pernah melihat manusia paling cerdik melainkan Imam al-Syafi<sup>c</sup>i. Tambahan lagi, beliau menceritakan suatu masa beliau pernah berdebat dengan Imam al-Syafi<sup>c</sup>i berkenaan satu masalah yang diperselisihkan. Kemudian, diceritakan lagi bahawa Imam al-Syafi<sup>c</sup>i datang

menemui beliau sejurus berkata: Wahai Abu Musa, tidakkah wajar kita berbaik seperti sedia kala sebagai saudara meskipun kita masih berselisih dalam beberapa isu tertentu. Begitulah ungkapan Imam al-Syafi'i kepada Yunus bin Abd al-'Ala al-Sadafi sambil memegang tangan beliau. Justeru, berpandukan disiplin ilmu sanad berkaitan dengan *al-Jarh wa al-Ta'dil* selayaknya ilmuan yang pakar dalam bidang tersebut bersuara dan mengeluarkan kenyataan. Ilmuan yang terdiri daripada golongan *nuqqad* merupakan mereka yang pakar dalam bidang kritisik ilmu hadis bahkan para ulama hadis *al-muta'akhirin* (generasi yang melepas kurun ke 4 dalam hijrah) seperti Imam al-Nawawi, Imam al-Dhahabi, Imam al-Sakhawi termasuk al-Hafidh Ibn Hajar al-Asqalani. Mereka memperakui kesarjanaan tokoh-tokoh hadis sebelum beliau (Ahmad Kamilin Jamilin 2016). Ibn Hajar al-Asqalani sendiri membuat pengakuan di dalam karya beliau bahawa tiada keraguan yang boleh mempertikaikan ketokohan generasi ulama hadis sebelum beliau sama ada mereka yang dipuji ulama selainnya atau mengkritik sebahagian mereka. Namun, hal tersebut tidak mencatatkan bahkan lebih baik berbanding generasi selepas mereka (Ibn Hajar al-Asqalani 2002).

Pensyariatan dalam ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil* ialah berdasarkan bukti beberapa dalil yang sedia ada dalam rujukan sama ada al-Quran dan hadis baginda Nabi SAW. Menurut Hanaffie Hasin (2015) manusia mempunyai tahap pemahaman yang berbeza bagi mengetahui kepentingan *naqd* yang berlaku dalam jalur sanad mahupun *khabar* (teks hadis). Perkara tersebut melibatkan kritikan dan pujian terhadap kredibiliti perawi hadis. Tambahan beliau lagi, *jarh* terhadap perawi hadis berbeza dengan *al-Ghibah* yang dimaksudkan syarak. Hal ini senada dengan Ahmad Kamilin Jamilin (2016) yang menjelaskan bahawa ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil* menfokuskan pencarian fakta-fakta kebenaran dalam periyawatan tanpa dipengaruhi ideologi dan nafsu kepuaan. Rentetan itu, dalil tentang signifikan ilmu *al-Jarh* ialah berdasarkan firman Allah SWT di dalam surah *al-Hujurat* (49 : 06) yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kalian seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.

Ayat tersebut menerangkan bahawa Allah SWT memerintahkan agar manusia sentiasa berwaspada apabila menerima sesuatu perkhabaran. Menurut Ibn Kathir (1997), beliau mentafsirkan ayat tersebut dengan menyatakan bahawa Allah SWT memerintahkan agar manusia sentiasa berwaspada perkhabaran golongan fasik. Hal ini dikhawatir perkhabaran yang disampaikan itu berkemungkinan berlaku kesalahan yang tidak disengajakan atau sememangnya berlaku dusta dengan sengaja. Kefasikan yang dinyatakan juga boleh diklasifikasi golongan yang *majhul al-hal* di sisi para *mufassir*.

Sejajar dengan kenyataan hadis yang direkod oleh Imam Muslim dalam *Sahihnya*, Nabi SAW menceritakan kisah Abu 'Amru bin Hafs RA menceritakan Fatimah binti Qays RA. Dalam pengkisahan hadis tersebut, Fatimah RA meminta pandangan Nabi SAW mengenai dua orang sahabat baginda, iaitu Mu'awiyah bin Abi Sufyan RA dan Abu Jahm RA datang meminang Fatimah binti Qays RA. Lantas, Nabi SAW memberi nasihat tentang keperibadian mereka kepada Fatimah sebagaimana Nabi SAW bersabda:

أَمَّا أُبْوُ جَهْنَمْ فَلَا يَضْعُ عَصَاهُ عَنْ عَاتِقِهِ وَأَمَّا مُعَاوِيَةُ فَصُنْفُلُكَ لَا مَالَ لَهُ، انْكِحْنِي أُسَامَةَ بْنَ زَيْدٍ.  
[Muslim. 2007. *Sahih Muslim*, Kitab *al-Talaq*, Bab *al-Muttaqah thalathan la Nafaqa laha*, no hadis 36 (1480)]

Maksudnya: Adapun Abu Jahm seorang yang panas baran, manakala Mu'awiyah pula seorang yang sangat miskin, nikahilah Usamah bin Zayd.

Kategori pernyataan *jarh* sedemikian dibenarkan kerana perkara ini melibatkan maruah dan urusan agama yang mana kedua-duanya mengaitkan urusan syarak (Abu al-Falah 1986). Hal tersebut amat penting untuk diberi pendedahan agar masyarakat dapat mengetahui sumber nas-nas agama daripada hadis-hadis yang dibawa oleh perawi hadis diperlihara (Al-Sakhawi 1986). Menurut Imam al-Nawawi (1930), *al-Jarh* merupakan lafadz kritikan yang dibenarkan atas dasar menjaga ketulenan sumber asal agama bertujuan menjaga pensyariatan Islam. Imam al-Ghazali juga menyetujui di dalam kitab yang sama bahawa menjadi keharusan 'kritikan' tersebut didedahkan agar manusia dapat dihindari sifat-sifat kefasikan yang timbul dalam kalangan perawi yang tidak jujur dan amanah. Justeru, hal tersebut dikelaskan sebagai elemen 'nasihat' bukan elemen mengumpat yang ditegah agama. Menurut Yusuf Abd Allah al-Juday' (1997), lafadz *al-Jarh* menjadi keharusan malah disepakati para ulama kerana perkara tersebut mengaitkan urusan penjagaan dalil-dalil berkaitan syariat Islam. Ibn Rajab al-Hanbali (2001) menegaskan bahawa ilmu *al-Jarh* mempunyai keutamaan tujuan

mempelajari dan mendedahkan seni ilmunya kerana ilmu tersebut dapat menjaga *maslahah* umat Islam daripada perkara-perkara yang melibatkan *mafsadah* (kerosakan).

Imam al-Dhahabi (1983) mengulas mengenai penerimaan dan penolakan ahli ilmu terhadap hadis-hadis yang bukan sahih dibenarkan berhujah dan mengambil sebagai sumber yang dipandu para ulama. Tambahan beliau, kebanyakan ulama tidak akan menoleh ke arah hadis yang palsu dan terlalu daif statusnya. Bahkan menurut al-Dhahabi lagi, mereka meriwayatkan hadis-hadis tersebut sebagai peringatan (tentang statusnya yang daif) serta membongkar kedaifannya di dalam ulasan para *nuqqad* menggunakan lafadz *al-Jarh*. Oleh itu, sesiapa yang menyembunyikan (kelemahan) hadis-hadis yang daif martabatnya, maka sesungguhnya dia adalah seorang penjenayah terhadap al-Sunnah, iaitu pengkhianat kepada Allah SWT dan rasul-Nya.

### **Implikasi Penularan *Al-Ghibah* Dalam Institusi Masyarakat**

Kebejatan manusia untuk mengawal dan memelihara lidah sesama manusia amat membimbangkan sehingga menimbulkan ketirisan percakapan seperti mencaci, menyebarkan fitnah, menipu dan seumpamanya termasuk mengumpat (Al-Ghazali 2003). Penjajaan ‘cerita’ yang berlaku dalam masyarakat amat ketara, seperti penularan dalam laman sesawang atau berita yang diperolehi dari sumber yang rapuh memberi impak negatif dalam perbualan harian masyarakat (Ku Zaimah Che Ali dan Mardzelah Makhsin 2019). Sikap mengambil mudah dalam menyebarkannya tanpa menyelidik terlebih dahulu memberi kesan yang menghakis keharmonian masyarakat sama ada di alam maya ataupun di alam realiti.

Oleh itu, perbualan yang sihat adalah penutur yang menjaga lidah mereka ketika berinteraksi dengan orang lain dan berusaha mengelak berlaku kegelinciran lidah yang tidak menepati adab Islam yang sebenar (Mafri Amir 1999). Nabi SAW amat menganjurkan diam sekiranya tiada apa-apa perkara yang hendak diperkatakan. Bahkan, Allah SWT berfirman di dalam al-Qur'an tentang hal keburukan berbisik tanpa tujuan sekalipun ia dipandang ringan dari kacamata manusia. Firman Allah SWT di dalam surah al-Nisa', ayat 114 bermaksud:

Tidak ada satu kebaikan tentang mereka yang berbisik-bisik, kecuali (bisikan) tersebut menyuruh orang untuk bersedekah, berbuat kebaikan kepada orang lain atau mendamaikan di antara manusia. Maka, sesiapa yang berbuat demikian dengan maksud untuk mencari keredhaan Allah, tentulah Kami akan memberi kepadanya ganjaran pahala yang amat besar.

Rentetan itu, kemudahan teknologi moden hari ini amat bermanfaat kepada umat seperti memberi nasihat dan menyampaikan perkara makruf dengan lebih mudah kerana perkembangan teknologi ini juga membuka seluas-luasnya untuk masyarakat berkongsi maklumat dengan orang lain secara maya selain bertemu secara bersemuka. Namun, banyak juga kesan buruk yang boleh disebarluaskan sehingga sukar untuk mengawal lidah masyarakat daripada menceritakan hal-hal manusia tanpa usul periksa. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh *Global Social Media Research Summary* 2020, hampir 60% penduduk dunia telah menelusuri internet dan menggunakan khidmat dalam talian. *Youtube* dan *Facebook* merupakan media sosial yang paling banyak dilayari. Justeru, pentingnya maklumat itu disebarluaskan dengan benar, tepat dan sahih bukan mencancang peribadi seseorang. Di Negara Singapura, pemerintah telah menguatkuaskan undang-undang yang dinamakan POFMA (*Protection from Online Falsehoods and Manipulation Act*) pada tahun 2020 membolehkan seseorang itu didakwa jika didapati bersalah. Hal demikian bertujuan untuk mencegah mana-mana individu atau organisasi supaya terkawal segala berita yang disebarluaskan secara dalam talian. Justeru, perkara tersebut boleh menjelaskan implikasi besar dua hala iaitu implikasi dengan orang yang baru kenal atau implikasi dengan orang yang paling hampir (Muhamad Taufik et al 2015). Banyak aspek yang dibincangkan secara konklusi mengenai kesan individu yang tidak mengamalkan perbualan harian mereka menggunakan pendekatan nabawi (Muhamad Fairuz Ali et al 2018). Penjagaan lidah manusia harus dipertingkatkan peliharaannya agar masyarakat dapat menghindari kancang orang yang gemar berbual tanpa menghiraukan implikasi yang bakal mengundang dalam perhubungan sosial masyarakat (Fuad Anshori 2002).

### **KESIMPULAN**

Isu *al-Jarh* dan *al-Ghibah* mempunyai perbezaan dari sudut makna, konseptual dan definisi. Oleh itu, *al-Ghibah* merupakan perkara yang tidak dibenarkan syariat dalam pengamalannya. Namun, berbeza dengan *al-Jarh*. Dalam tradisi ilmu Islam, kaedah *al-Jarh wa al-Ta'wil* ialah suatu lafadz yang menilai integriti perawi hadis. Kaedah *al-Jarh* ini merupakan ilmu alat yang digunakan untuk memastikan kesahihan sesuatu maklumat

yang disampaikan oleh seseorang individu mengenai hadis baginda Nabi SAW. Kaedah yang dimaksudkan itu perlu mencakupi segala aspek latarbelakang seseorang perawi dari sudut kejituhan ilmunya, tanggapan sarjana terhadapnya, sejarah pembelajarannya dan banyak lagi (Rida Dhakariya Mohamed 2011). Hal ini termasuk menyentuh aspek berkaitan kaedah umum yang diambil oleh para ilmuan untuk memastikan maklumat yang diterima adalah benar dan boleh digunakan (Ali Imron 2017). Lafaz *al-Jarh* membawa maksud kritikan ke atas perawi yang boleh menyebabkan periyatannya ditolak seperti *Munkar al-Hadith*, *Matruk al-Hadith*, *Laysa bithiqah*, *Dhahib al-Hadith*, *Fih al-Nadhar* dan lain-lain lafaz (Al-Farmawi 2005).

Tuntasnya, ilmu *al-Jarh* dikenali juga sebagai ilmu *al-Rijal*, iaitu ilmu mendedahkan latarbelakang seorang perawi hadis Nabi SAW atas dasar menjaga kesahihan nas-nas agama yang disampaikan. Kronologi ilmu *al-Rijal* perlu melalui proses saringan yang dilakukan para *nuqqad* dalam menilai sama ada perawi tersebut diterima atau ditolak (Al-Loucknawi 2008). Lafaz *al-Jarh* bukan bahan bicara mengenai hal orang awam yang dikenali sebagai mengumpat. Hakikatnya, ilmu *al-Jarh* bukan bertujuan untuk mengumpat atau mengaibkan seseorang. Objektif utamanya adalah untuk memastikan berita yang disampaikan itu asli dan konkret kerana ia melibatkan tunjang urusan agama.

## Rujukan

- Abdullah Basmeih. 1983. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*. Cet. Ke 6. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Abu al-Falah, <sup>c</sup>Abd al-Hayy al-Hanbali. 1986. *Syadharat al-Dhabab fi Akhbar man Dhahab*. Penilai: <sup>c</sup>Abd al-Qadir al-Arna'ut dan Mahmud al-Arna'ut. Dimasyq: Dar Ibn Kathir.
- Abu Mu<sup>c</sup>adh, Tariq <sup>c</sup>Awad Allah. 2009. *Syarh Lughah al-Muhaddith*. Mesir: Maktabah Ibn Taimiyah.
- Ahmad Kamilin Jamilin. 2016. *Ilmu Jarh wa Ta'dil: Praktikal Dalam Kehidupan Muslim Dan Pendakwah*. Kertas Kerja *Home of Hadith* "Cinta Hadith Wasilah Cinta Rasul", hlm. 45-105. Selangor: Firdaus Press Sdn. Bhd.
- Ali Imron. 2017. *Dasar-Dasar Ilmu Jarh wa Ta'dil*. Jurnal Studi Islam, Vol. 2, No. 2. Yogyakarta: Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Al-Baghuddadi, Ahmad bin <sup>c</sup>Ali bin Thabit al-Khattib. 2010. *Al-Kifayah fi Ma'rifah Usul <sup>c</sup>Ilm al-Riwayah*. Penilai: Mahrif Yasin al-Fahl. Riyad: Dar Ibn al-Jauzi.
- Al-Dhahabi, Mohamed Ahmed <sup>c</sup>Uthman, Abu <sup>c</sup>Abd Allah. 2005. *Al-Muqidhah*. Penilai: <sup>c</sup>Abd al-Fattah Abu Ghudah. Syria (Halb): Maktabah al-Matbu<sup>c</sup>ah al-Islamiah.
- Al-Dhahabi, Mohamed Ahmed <sup>c</sup>Uthman, Abu <sup>c</sup>Abd Allah. 1983. *Siyar A<sup>c</sup>lam al-Nubala'*. Penilai: Syu<sup>c</sup>aib al-Arna'ut dan para penyelidik. Beirut: Muassassah al-Risalah.
- Al-Farmawi, <sup>c</sup>Umar Mohamed <sup>c</sup>Abd al-Mun<sup>c</sup>im. 2005. *Manar al-Sabil fi al-Jarh wa al-Ta'dil*. Mesir: Maktabah al-Iman bi al-Mansourah.
- Faruq Hammadah. 2008. *Al-Manhaj al-Islami fi al-Jarh wa al-Ta'dil: Dirasah Manhajiah fi <sup>c</sup>Ulum al-Hadith*. Kaherah: Dar al-Salam li Nasyar wa al-Tauzi<sup>c</sup>.
- Fuad Anshori. 2002. *Agenda Psikologi Islam*. Yogyakarta, Indonesia: Pustaka Pelajar.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 2003. Edisi Terj.: *Panduan Mengawal Lisan Kenali Bahaya dan Kegelicirannya*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Global Social Media Research Summary*. 2020, di <https://www.smartinsights.com/social-media-marketing/social-media-strategy/new-global-social-media-research/> (25 June 2020).
- Hanaffie Hasin. 2015. *Marwiyat Isma<sup>c</sup>il bin <sup>c</sup>Ayyash fi al-Sunan al-Arba<sup>c</sup>ah Dirasah Naqdiah Tatbiqiah fi Daw' <sup>c</sup>Ilm <sup>c</sup>Ilal al-Hadith*. Disertasi Sarjana Ilmu Wahyu dan Warisan Islam (Pengajian Quran dan Sunnah). Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).
- Ibn Daqiq al-<sup>c</sup>Eid, Taqi al-Din Mohamed bin Ali al-Manfaluti. 2008. *Syarh al-Arba<sup>c</sup>in al-Nawawiah fi al-Ahadiyah al-Sahihah al-Nabawiah*. Beirut: Dar Ibn Hazm. <sup>c</sup>It, Nur al-Din. 2007. *Usul al-Jarh wa al-Ta'dil wa <sup>c</sup>Ilm al-Rijal*. Tunisia: Dar al-Yamamah.
- Ibn Daqiq al-<sup>c</sup>Eid, Taqi al-Din Mohamed bin Ali al-Manfaluti. 1977. *Al-Iqtirah fi Bayan al-Istilah wa ma Udfa ila dhalika al-Ahadith al-Ma<sup>c</sup>du<sup>c</sup>ah min al-Sihah*. Penilai: Qahtan <sup>c</sup>Abd al-Rahman al-Duri, hlm. 453-454. Jordan: Dar al-<sup>c</sup>Ulum.
- Ibn Hajar al-<sup>c</sup>Asqalani, Ahmad bin <sup>c</sup>Ali. 1984. *Al-Nukat <sup>c</sup>ala Kitab Ibn al-Salah*. Penilai: Rabi<sup>c</sup> bin Hadi al-Madkhali. Syria (Halab): Madinah: <sup>c</sup>Imadah al-Baith al-<sup>c</sup>Ilm bi al-Jami<sup>c</sup>ah al-Islamiah.
- Ibn Hajar al-<sup>c</sup>Asqalani, Ahmad bin <sup>c</sup>Ali. 1991. *Taqrib al-Tahdhib*. Penilai: Muhammad <sup>c</sup>Awwamah. Syria (Halab): Dar al-Rasyid.
- Ibn Hajar al-<sup>c</sup>Asqalani, Ahmad bin <sup>c</sup>Ali. 2002. *Lisan al-Mizan*. Penilai: <sup>c</sup>Abd al-Fattah Abu Ghudah. Syria

- (Halab): Maktab al-Matbu'ah al-Islamiah.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar bin Kathir. 1997. *Tafsir al-Qur'an al-'Adhim*. Penilai: Sami bin Muhammad al-Salamah. Riyad: Dar Tayibah li Nasyr wa al-Tauzi'.
- Ibn Rajab al-Hanbali, Abu al-Farj, Zayn al-Din 'Abd al-Rahman bin Syihab al-Din. 2001. *Syarh 'Ilal al-Tirmidhi*. Penilai: 'Abd al-Rahim Sa'id. Riyad: Dar al-'Asamah.
- Al-Juday', Yusuf 'Abd Allah. 1997. *Tahrir 'Ulum al-Hadith*. Mesir: Dar al-Hadith li Nasyr wa al-Tauzi'.
- Al-Khalili, Abu Ya'la al-Khalili bin 'Abd Allah. 1989. *Al-Irsyad fi Ma'rifah 'Ulama' al-Hadith*. Penilai: Muhammad Sa'id 'Umar Idris. Riyad: Dar al-Rusyd.
- Ku Zaimah Che Ali dan Mardzelah Makhsin. 2019. *Kesantunan Bahasa: Definisi dan Bahasa*. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri, Vol. 2, No. 1, hal. 81-101. Kuala Nerus: Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
- Al-Loucknawi, Muhammad bin 'Abd al-Hayy. 2008. *Al-Raf' wa al-Takmil fi al-Jarh wa al-Ta'dil*. Penilai: 'Abd al-Fattah Abu Ghudah. Riyad: Maktabah Ibn Taimiyah.
- Mafri Amir. 1999. *Etika Komunikasi Massa dalam Pandangan Islam*. Jakarta: Logos.
- Muhamad Fairuz Ali dan Che Radiah Mezah dan Mohd Sukki. 2018. *Kesantunan Bahasa dalam al-Quran: Satu Kajian Dari Perspektif Pendidikan Akhlak dalam Keluarga*. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, Bil. 18, Vol. 1 (2019): hal. 78-87. Bangi: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Muhamad Taufik, MS., S.Salahuddin Suyurno, Ain Faezah, R., Mohd Shafie, A., Abdul Rauf, R. 2015. *Elemen al-Hikmah Sebagai Manhaj Rabbaniyah Dalam Penulisan Dakwah Media Baru*. Memasyarakatkan Quran Mensejahterakan Ummah. Prosiding Seminar Wahyu Asas Tamadun. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Muslim, Muslim bin al-Hajaj Abu al-Hasan. 2008. *Sahih Muslim*. Penyusun: Mohamed Tamer. Kaherah: Matba'ah al-Madani bi Misr.
- Al-Nawawi, Yahya bin Sharaf. 1930. *Al-Minhaj fi Syarh Sahih Muslim bin Al-Hajaj*. Penilai: Mohamed Tamer. Kaherah: Matba'ah al-Masriyah bi al-Azhar.
- Al-Nawawi, Yahya bin Sharaf. 1998. *Riyad al-Salihin*. Penilai: Syu'aib al-Arna'ut. Beirut: Muassassah al-Risalah.
- Onong, Uchjana Effendi. 2000. *Dinamika Komunikasi*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Al-Omoush, Ahmad Muhammad Falih. 2010. *Al-Talatuffi Lughah al-Qur'an al-Karim*. Jordan: Universiti Al-Albayt.
- Al-Qaradawi, Yusuf 'Abd Allah. 1998. *Al-Sunnah Masdaran li Ma'rifah wa al-Hadarah*. Mesir Dar al-Syuruq.
- Al-Ramahramizi, al-Hasan bin 'Abd al-Rahman bin Khalad. 1982. *Al-Muhaddith al-Fasil bayna al-Rawi wa al-Wa'i*. Penilai: Muhammad 'Ajaj al-Khatib. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Al-Razi, Abu Muhammad 'Abd al-Rahman bin Abi Hatim. 1952. *Al-Jarh wa al-Ta'dil*. India: Matba'ah Majlis Da'irah al-Ma'arif al-'Uthmaniyyah (salinan kedua: Cetakan Bayrut: Dar Kutub al-'Ilmiyah).
- Rida Dhakariya Mohamed. 2011. *Al-Irsyad ila Kayfiah Dirasah al-Isnad*. Mesir: Maktabah al-Iman bi al-Mansourah.
- Al-Sakhawi, Muhammad bin 'Abd al-Rahman bin Abi Bakr. 1986. *Al-A'lan bi al-Tawbih liman Dham Ahl al-Tarikh*. Bayrut: Muassassah al-Risalah.
- Al-Sakhawi, Muhammad bin 'Abd al-Rahman bin Abi Bakr. 1990. *Al-Mutakallimun fi al-Rijal*. Penilai: 'Abd al-Fattah Abu Ghudah. Syria (Halb): Maktabah al-Matbu'ah al-Islamiah.
- Singapore Fake News Laws: Guide to POFMA (Protection from Online Falsehoods and Manipulation Act)*, di <https://singaporelegaladvice.com/law-articles/singapore-fake-news-protection-online-falsehoods-manipulation/> (4 July 2020).
- Sugiyono. 2005. *Memahami Penelitian Kualitatif*. Bandung: ALFABET.
- Shalabi, Ahmed. 1996. *Mausu'ah al-Tarikh al-Islami*. Mesir: Maktabah al-Nahdah al-Masriah.